**MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDPR)**

**PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 6 ( 22 November 2021 )**

Tahap Penguasaan

1 2 3 4 5 6

Buku Teks: m.s. 164 – 165

# اونيت 18: کوفاتن نبي محمد ﷺ

Kewafatan Nabi Muhammad SAW

ڤيليه دان توليس جواڤن يڠ بتول. SP5.5.1

Pilih dan tulis jawapan yang betul.

| | | | |
|---|---|---|---|
| مهاجرين<br>Muhajirin | عمر بن الخطاب<br>Umar bin al-Khattab | صفر<br>Safar | علي بن ابو طالب<br>Ali bin Abu Talib |
| فاطمة<br>Fatimah | ابو بکر الصديق<br>Abu Bakar al-Siddiq | عائشة<br>Aisyah | |

1. ڤد اخير بولن ______ ياءيت سلڤس نبي محمد ڤولڠ دري منزيارهي ڤرقبورن بَقِيعْ، بݢيندا دتيمڤا ساکيت کڤالا دان دمم يڠ تروق.

Pada akhir bulan ______ iaitu selepas Nabi Muhammad pulang dari menziarahi perkuburan Baqi', baginda ditimpa sakit kepala dan demam yang teruk.

2. سلڤس بيراڤ هاري، کأداءن نبي محمد سماکين تنت. لالو بݢيندا ممينتا ايذين درڤد ڤارا ايستري بݢيندا اونتوق براد دروماه ______.

Selepas beberapa hari, keadaan Nabi Muhammad semakin tenat. Lalu baginda meminta izin daripada para isteri baginda untuk berada di rumah ______.

3. نبي محمد دڤاڤه اوليه ______ دان اَلْفَضْلُ بن عَبَّاس کتيک برجالن منوجو کروماه ايستري بݢيندا.

Nabi Muhammad dipapah oleh ______ dan al-Fadlu bin Abbas ketika berjalan ke rumah isteri baginda.

4. بݢيندا برڤسن کڤد صحابة درڤد اورڠ ______ سوڤايا بربوات باءيق کڤد اورڠ٢ انصار.

Baginda berpesan kepada sahabat daripada orang ______ supaya berbuat baik kepada orang-orang Ansar.

5. اڤابيلا کأداءن نبي سماکين لمه، بݢيندا ممينتا ______ منجادي امام صلاة مڠݢنتيکن بݢيندا.

Apabila keadaan Nabi semakin lemah, baginda meminta ______ menjadi imam solat menggantikan baginda.

LIVEWORKSHEETS

B. ڤادنکن ڤوتوڠن اايات دباوه سوڤايا منجادي ايات يڠ بتول مڠناءي ڤريستيوا ڤد هاري كوفاتن رسول الله. SP5.5.2 TP ☐

Padankan potongan ayat di bawah supaya menjadi ayat yang betul mengenai peristiwa pada hari kewafatan Rasulullah.

1. ڤد ڤاڬي هاري اثنين 12 ربيع الأول تاهون 11 هجرة
Pada pagi hari Isnin 12 Rabiulawal tahun 11 Hijrah

2. نبي ممڠڬيل انقڽ فاطمة، ايستري، دان چوچو بڬيندا
Nabi memanggil anaknya Fatimah, isteri, dan cucu baginda

3. نبي منيڠڬلكن ڤسنن براولڠ كالي كڤد اومت بڬيندا
Nabi meninggalkan pesanan berulang kali kepada umat baginda

4. بڬيندا مڠهمبوسكن نفس تراخير دأتس
Baginda menghembuskan nafas terakhir di atas

5. نبي محمد وفاة
Nabi Muhammad wafat

A. اڬر مملیهارا صلاة ڤد ستياڤ ماس.
agar memelihara solat pada setiap masa.

B. ڤڠكوان ايستري بڬيندا ياءيت عائشة.
pangkuan isteri baginda iaitu Aisyah.

C. كأداءن نبي محمد سماكين تنت.
keadaan Nabi Muhammad semakin tenat.

D. كتيك براوسيا 63 تاهون.
ketika berusia 63 tahun.

E. اونتوق ممبري ڤسنن كڤد مريک.
Untuk memberi pesanan kepada mereka.

LIVEWORKSHEETS